

# Menteri Besar Selangor Presiden baru Pesaka

10 SEP 1990 Harian (M)

MENTERI Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, diberi kepercayaan menerajui Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), selepas menang tanpa bertanding pada mesyuarat agung badan itu di Subang Jaya, semalam. *PENCERAIAN*

Kemenangan mudah itu dicapai selepas Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud, yang dicalonkan oleh Johor bagi mempertahankan jawatan Presiden, tidak mendapat sokongan perwakilan.

Tan Sri Haji Muhammad, yang hanya hadir pada majlis perasmian itu tidak ada sewaktu keputusan diumumkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Rahman Sulaiman, dipilih sebagai Timbalan Presiden. Jawatan itu dikosongkan oleh anggota Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Haji Hassan Ismail.

Tiga jawatan Naib Presiden turut disandang oleh muka baru. Mereka ialah Haji Aziz Deraman (Kuala Lumpur), Datuk Nasir Salleh (Melaka) dan Datuk Seri Azizol Hassan (Perak).

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan dan Bendahari, Haji Amiruddin Buang, mengekalkan jawatan masing-masing.

Mesyuarat agung yang dirasmikan oleh Raja Muda Selangor itu turut memilih lapan ahli majlis bagi tempoh dua tahun.

Mereka ialah Haji Bahim Manan



■ TAN SRI HAJI MUHAMAD

(Lincak), Datuk Onn Ismail (Selangor), Yusof Darus (Gayong Mersing), Haji Anuar Wahab (Gelangoh), Haji Anwar Wahab (Gelangoh), Buang (Cekak), Haji Haniffa (Cekak), Ishak Hassan (Negeri Sembilan) dan Basiron hamid